

# Topik: Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan

Urus niaga dan kedudukan kewangan perniagaan

## **MAKSUD URUS NIAGA ATAU PERISTIWA**

- Proses perekodan dalam satu sistem perakaunan mesti memastikan bahawa setiap urus niaga atau peristiwa kewangan direkod dalam buku perakaunan secara lengkap dan sistematik.
- Urus niaga adalah aktiviti-aktiviti sesebuah entiti perniagaan yang akan **memberi kesan kepada kedudukan kewangan perniagaan**. Manakala, peristiwa merujuk kepada pelarasan yang dilakukan pada akhir tempoh perakaunan yang juga akan memberi kesan kepada kedudukan kewangan perniagaan.

---

### **Contoh urus niaga:**

Membeli barang niaga secara tunai  
Jualan barang niaga secara kredit  
Membayar akaun belum bayar dengan cek

---

---

### **Contoh peristiwa:**

Memperuntukkan susutnilai pada akhir tempoh perakaunan  
Membuat pelarasan untuk belanja terakru dan terdahulu  
Mewujudkan peruntukan hutang ragu

---

## **KEDUDUKAN KEWANGAN SESEBUAH PERNIAGAAN**

- Kedudukan kewangan sesebuah entiti perniagaan merujuk kepada jumlah aset, liabiliti dan ekuiti pemilik perniagaan.

### **ASET**

Aset adalah harta atau hak tuntutan sesebuah perniagaan seperti inventori, tunai di tangan, tunai di bank, akaun belum terima, belanja terdahulu, hasil terakru, premis, tanah, mesin, loji, kenderaan, alatan pejabat, perabot, lengkapan dan sebagainya.

### **LIABILITI**

Liabiliti adalah hutang perniagaan atau hak tuntutan pihak luar terhadap perniagaan. Contoh liabiliti perniagaan adalah akaun belum bayar, pinjaman bon, belanja terakru, hasil terdahulu, gadaijanji, nota belum bayar dan sebagainya.

### **EKUITI PEMILIK**

Ekuiti pemilik adalah hak tuntutan pemilik perniagaan atas aset perniagaan. Hak tuntutan pemilik perniagaan ini diukur dengan menolakkan jumlah liabiliti daripada jumlah aset ( $EP = A - L$ ) ataupun baki aset selepas semua liabiliti dijelaskan.

- Kedudukan kewangan sesebuah perniagaan boleh ditunjukkan dalam bentuk persamaan yang dikenal sebagai **Persamaan Perakaunan** yang asas. Persamaan ini adalah seperti berikut:

$$\boxed{\mathbf{ASSET = LIABILITI + EKUITI PEMILIK}}$$

# **PENJELASAN PERSAMAAN PERAKAUNAN**

- Persamaan ini menerangkan bahawa setiap pelaburan dalam perniagaan mestilah mempunyai sumber pembiayaannya.

## **PELABURAN = SUMBER PEMBIAYAAN**

- Dari perspektif perakaunan, pelaburan dalam perniagaan akan dikenal sebagai **ASET**, manakala sumber pembiayaan boleh diperoleh daripada dua sumber, iaitu sumber dalaman (**EKUITI PEMILIK**) seperti modal dan sumber luaran (**LIABILITI**) seperti akaun belum bayar, pinjaman dan gadaijanji. Maka, pada setiap masa, perhubungan ini mestilah seimbang. Tatacara perekodan urus niaga perniagaan telah dibentuk berdasarkan kepada konsep ini.



- Perniagaan ditubuhkan dengan tujuan mendapatkan keuntungan. Jika perniagaan ini statik (tiada aktiviti), objektif keuntungan tidak dapat dicapai. Perniagaan harus melakukan urus-urus niaga bagi menjana keuntungan. Proses penjanaan keuntungan memerlukan aktiviti-aktiviti yang akan mendatangkan **HASIL** kepada perniagaan. Pemerolehan hasil pula memerlukan aktiviti-aktiviti yang melibatkan **BELANJA**. Maka, sesebuah entiti perniagaan yang dinamik mempunyai aktiviti-aktiviti yang menjana hasil dengan aktiviti-aktiviti yang melibatkan belanja. Untuk menunjukkan senario perniagaan sebenar, persamaan perakaunan diperluaskan bagi mencakupi komponen hasil dan belanja. Persamaan perakaunan yang diperluaskan adalah:

$$\text{ASET} = \text{LIABILITI} + \text{EKUITI PEMILIK} + \text{HASIL} - \text{BELANJA}$$

### KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

- Hasil dan belanja dipadankan bagi menentukan keuntungan perniagaan. Untung bersih diperoleh apabila hasil melebihi belanja dan rugi bersih berlaku apabila hasil lebih kurang daripada belanja. Untung bersih adalah hak pemilik perniagaan, maka, ia akan menambahkan ekuiti pemilik. Manakala, rugi bersih perlu ditanggung oleh pemilik. Jadi, rugi bersih akan mengurangkan ekuiti pemilk. Ekuiti pemilik juga akan bertambah apabila pemilik menambahkan modal dan akan berkurang apabila pemilik mengeluarkan tunai atau aset lain daripada perniagaan. Kesan ini dapat diringkaskan dalam gambar rajah di bawah:

